

Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia

Penguatkuasaan Fatwa

Legal Enforcement of Offences Relating to Fatwa in Syariah Criminal Law in Malaysia

116

ZANARIAH DIMON

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor

zanariah@kuis.edu.my

Submitted: 22 January 2020

Revised: 13 March 2020

Accepted: 28 April 2020

E-Published: 29 April 2020

ABSTRAK

Fatwa adalah proses yang unik dalam perundangan Islam. Pengeluaran fatwa melibatkan dua pihak iaitu orang yang mengemukakan masalah atau persoalan (*mustafti*) dan orang yang memberikan jawapan atau fatwa atau hukum (Mufti). Fatwa mempunyai kedudukan yang penting dalam perundangan Islam. Institusi fatwa sentiasa menjadi rujukan bagi umat Islam di Malaysia. Menurut undang-undang Islam di Malaysia, fatwa adalah terletak dalam bidang kuasa negeri. Tidak semua fatwa mengikat orang Islam di sesebuah negeri. Hanya fatwa yang telah diwartakan boleh dikuatkuasakan dan mengikat orang Islam yang bermastautin di sesebuah negeri. Penguatkuasaan undang-undang diaplikasikan melalui peruntukan kesalahan berhubung fatwa dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Namun begitu, tidak banyak pendedahan mengenai kesalahan berhubung fatwa ini. Penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri juga lebih tertumpu kepada kesalahan berhubung akidah, ajaran sesat dan kesusilaan. Kes *Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim Ahmad dll* (2000) Jurnal Syariah 8 (1) 137 adalah antara kes yang menunjukkan kurangnya pemahaman orang Islam mengenai penguatkuasaan kesalahan berhubung fatwa. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan menjelaskan mengenai penguatkuasaan fatwa dan menganalisis kesalahan berhubung fatwa yang diperuntukkan dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Kaedah yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa setiap negeri memperuntukkan kesalahan berhubung fatwa dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri masing-masing. Penguatkuasaan undang-undang juga tertakluk kepada setiap negeri. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi jenis kesalahan dan kadar hukumannya. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran mengenai kepentingan fatwa dalam perundangan Islam di Malaysia melalui peruntukan kesalahan berhubung fatwa dalam undang-undang.

Kata kunci: Fatwa, Penguatkuasaan Fatwa, Kesalahan Fatwa, Jawatankuasa Fatwa Negeri, Mufti



ABSTRACT

Fatwa is a unique process in Islamic law. The issuance of fatwa involves two parties: the person who presents the problem or question (*mustaffi*) and the person who gives the answer or the fatwa or the law (*mufti*). Fatwa has an important place in Islamic law. The fatwa institution always be a reference for Muslims in Malaysia. According to Islamic law in Malaysia, the fatwa is under the jurisdiction of the state. However, not all fatwas bind Muslims in a state. Only a gazetted fatwa can be enforced and binds Muslims who reside in a particular state. Hence, the legal enforcement is applied through the provision of offences relating to the fatwa in the Shariah criminal act/enactment of the states in Malaysia. However, not much disclosure regarding the offences relating to fatwa. Law enforcement at the state level is only focused on offences related to faith, heresy and moral. The case of *Syariah Prosecutor vs. Fahyu Hanim Ahmad & Others* (2000) *Syariah Journal* 8 (1) 137 is one of the cases shows lack of understanding of Muslims regarding the enforcement of offences related to the fatwa. Therefore, the purpose of this paper is to clarify the enforcement of the fatwa and to analyze the offences related to the fatwa that provided in the Shariah criminal act/enactment of the states. The methods used are library-based and document analysis. The results of the study show that each state provides the offences related to the fatwas in their respective state's shariah criminal act/enactment. Same goes to the legal enforcement. However, there are differences in the nature of the offence and the degree of punishment. This study is expected to shed light on the importance of the fatwa in Islamic law in Malaysia through the provision of offences in relation to the law.

Keywords: Fatwa, Enforcement, Offences, State Fatwa Committee, Mufti

PENGENALAN

Persoalan mengenai hukum syarak adalah menjadi tanggung jawab Mufti dalam menyelesaikannya. Mufti berperanan sebagai pihak berkuasa utama dan penasihat kepada Sultan dalam hal ehwal hukum syarak di sesebuah negeri. Hukum yang telah dikeluarkan oleh Mufti dikenali sebagai fatwa. Ia mengikat orang Islam yang berada dalam negeri tersebut setelah ia diwartakan. Menurut undang-undang Islam di peringkat negeri, mana-mana orang Islam yang mengingkari fatwa yang telah diwartakan adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di mahkamah syariah. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan fatwa diaplikasikan melalui peruntukan kesalahan berhubung fatwa dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, oleh kerana bidang kuasa undang-undang Islam terletak dalam bidang kuasa negeri berdasarkan peruntukan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Dua, Senarai Negeri Butiran 1 Perlembagaan Persekutuan, maka terdapat ketidakselarasan peruntukan berkaitan kesalahan berhubung fatwa bagi setiap negeri. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri juga lebih tertumpu kepada kesalahan berhubung akidah, ajaran sesat dan kesusilaan. Tidak banyak pendedahan mengenai kesalahan berhubung fatwa ini. Kes *Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim Ahmad dan lain-lain* yang melibatkan isu perempuan Islam

menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor adalah antara kes yang menunjukkan kurangnya kesedaran orang Islam mengenai kepatuhan terhadap fatwa yang telah diwartakan menurut undang-undang.

Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai kesalahan berhubung fatwa berdasarkan undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia. Limitasi artikel ini adalah berkaitan peruntukan undang-undang dan hukuman serta analisis kes berkaitan kesalahan berhubung fatwa menurut undang-undang di peringkat negeri-negeri di Malaysia.

FATWA SEBAGAI SUMBER PERUNDANGAN ISLAM

Secara literal, fatwa adalah perkataan yang bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh Mufti mengenai sesuatu hukum atau suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh *faqih* (Ibn. Manzur, 1956). Manakala menurut al-Qasimi (1986), fatwa adalah menjawab persoalan atau permasalahan yang menjadi kemusykilan di dalam hukum. Ia merupakan keputusan, penjelasan dan jawapan kepada persoalan yang menjadi kemusykilan kepada sesiapa yang bertanya, sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Selain itu, fatwa juga difahami sebagai pemberitahuan tentang sesuatu hukum syarak berdasarkan *istinbat* yang dilakukan oleh seorang yang berpengetahuan dan berkelayakan untuk memberi jawapan kepada sesuatu kemusykilan agama (Arif Fahmi, 2017). Kebiasaannya, fatwa merupakan suatu penerangan mengenai hukum syarak kepada masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh secara tidak mengikat (Ahmad Hidayat Buang, 2002).

Menurut undang-undang Islam di Malaysia, fatwa ialah keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan telah diwartakan oleh kerajaan negeri bagi penguatkuasaan undang-undang. Walau bagaimanapun, fatwa yang diputuskan dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, iaitu: pertama, fatwa yang diwartakan; kedua, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa; dan ketiga, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti secara persendirian berbentuk lisan dan tulisan. Hanya fatwa kategori pertama sahaja yang mengikat dan mempunyai kuatkuasa dari segi undang-undang. Manakala kategori kedua dan ketiga tiada sebarang implikasi undang-undang, sebaliknya hanya berupa penjelasan dan jawapan kepada pihak yang mengemukakan persoalan. (Muhammad Ikhlās Rosele, 2013).

Oleh itu, pengeluaran fatwa di Malaysia perlu mengikut prosedur yang tertentu. Suatu fatwa yang hendak dikuatkuasakan hendaklah diwartakan. Jika tidak diwartakan maka ia dianggap kekal sebagai pendapat Mufti sahaja dan untuk pengetahuan atau rujukan hukum semata-mata (Zaini Nasohah, 2005). Fatwa yang tidak diwartakan itu tidak mengikat orang Islam untuk mematuhi dan pihak berkuasa juga tidak boleh mengenakan tindakan kepada mana-mana pihak yang mengingkari pendapat Mufti tersebut.

FATWA TERTAKLUK KEPADA BIDANG KUASA NEGERI

Fatwa di Malaysia bukan semata-mata penerangan mengenai persoalan hukum syarak tanpa nas, tetapi merupakan penerangan bersifat perundangan terhadap hukum syarak yang boleh dikuatkuasakan hukuman kepada sesiapa yang melanggarnya (Ahmad Hidayat Buang, 2002). Ia juga melibatkan proses pengeluaran fatwa oleh pihak yang mempunyai autoriti menurut undang-undang. Oleh itu, kuasa untuk membuat dan melaksanakan fatwa adalah salah satu daripada bidang kuasa negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Semua enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa adalah institusi fatwa di setiap negeri. Institusi fatwa setiap negeri terdiri daripada gandingan Mufti dan jawatankuasa fatwa bagi setiap negeri tersebut (Hasan Kasnan, 2006).

Penubuhan institusi Mufti di Malaysia pada masa kini telah mengkhususkan peranan dan fungsi Mufti sebagai pihak berkuasa agama dalam perkara hukum syarak. Selepas pindaan terhadap enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri pada akhir tahun 1980-an, jabatan Mufti negeri telah dipisahkan daripada Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah serta peranannya dikhususkan sebagai pihak berkuasa agama yang bertanggungjawab di dalam masalah hukum syarak di dalam negeri (Ahmad Hidayat Buang, 2002). Mufti negeri dibantu oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam pengeluaran fatwa di peringkat negeri. Fatwa yang diputuskan oleh Mufti dan jawatankuasa fatwa negeri akan mengikat umat Islam sekiranya diwartakan. Situasi ini menunjukkan bahawa keputusan fatwa negeri mempunyai kuasa penguatkuasa (*enforcement power*) berbanding keputusan fatwa di peringkat Persekutuan (Muhammad Fathullah, 2017).

Mufti dilantik di setiap negeri dan bertindak sebagai pihak berkuasa utama dalam perkara-perkara hukum syarak dan pengeluaran fatwa. Pelantikan Mufti di setiap negeri adalah sama iaitu melalui pelantikan yang dibuat oleh Raja ataupun Sultan kecuali bagi Melaka, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang, Mufti dilantik oleh YDPA selepas mendapat persetujuan dan cadangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Yang di-Pertua Negeri. Menurut seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 memperuntukkan:

Mufti hendaklah membantu dan menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara hukum syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di selepas DYMM kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam.

Manakala di Pahang Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991 dalam seksyen 34 memperuntukkan mengenai pelantikan Mufti dan timbalan Mufti:

- 1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti Negeri selama tempoh dan menurut syarat-syarat yang diperkenankan oleh baginda,
- 2) Apabila berkuatkuasa seksyen ini, orang yang menjadi Mufti Negeri sebelum sahaja berkuatkuasa seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini menjadi Mufti Negeri dan hendaklah terus memegang jawatan itu sehingga pelantikan Mufti Negeri di bawah Enakmen ini dibuat,
- 3) Seorang Timbalan Mufti Negeri boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membantu Mufti menjalankan tugasnya di bawah Enakmen ini.

Seksyen 35, enakmen yang sama di Pahang memperuntukkan kuasa Mufti hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan hukum syarak dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

Kelayakan dan tempoh pelantikan Mufti dan timbalan Mufti tidak dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang. Peruntukan undang-undang hanya meletakkan syarat bahawa Sultan boleh melantik orang yang layak dan sesuai sebagai Mufti dalam negeri bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai bagi setiap negeri. Negeri Kelantan umpamanya memperuntukkan bahawa pelantikan Mufti oleh Sultan adalah bagi suatu tempoh mengikut budi bicaranya berdasarkan seksyen 33 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Begitu juga di Pahang, pelantikan Mufti adalah selama tempoh yang diperkenankan oleh Sultan.

Berbeza dengan Kedah yang memperincikan penamatan dan pembatalan Mufti di negeri tersebut melalui peruntukan dalam seksyen 6, Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah 2008. Pelantikan seseorang Mufti dan timbalan Mufti bolehlah ditamatkan atau pada bila-bila masa oleh Sultan apabila dia meninggal dunia; atau dia meletakkan jawatannya. Manakala Sultan boleh membatalkan pelantikan Mufti dan timbalan Mufti jika kelakannya, sama ada yang berkaitan dengan tugas-tugasnya atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama jawatannya; atau dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna; atau dia telah bertindak bertentangan dengan kepentingan Negeri; atau dia diisytiharkan muflis.

PROSES PENGELUARAN FATWA MENURUT UNDANG-UNDANG

Sesuatu pernyataan atau hukum yang boleh ditafsirkan sebagai fatwa menurut undang-undang Islam di peringkat negeri di Malaysia ialah apabila pernyataan itu disiarkan di dalam Warta Kerajaan negeri masing-masing. Ini bermakna apa-apa pendapat atau pernyataan bertulis yang dibuat oleh Mufti kepada mana-mana mahkamah yang memerlukan pendapat atau nasihat itu bukan dianggap sebagai fatwa, sebaliknya, ia hanya pendapat Mufti sahaja dan tidak mengikat mahkamah untuk mengikutinya.

Mufti sebenarnya tidak bertindak berseorangan dalam proses pengeluaran sesuatu fatwa. Semua negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa Mufti akan menjalankan tugasnya bersama dengan Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri (Zaini Nasohah, 2005). Menurut undang-undang, sesuatu persoalan dan permasalahan hukum syarak boleh dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa atau dialamatkan terus kepada Mufti. Berdasarkan peruntukan dalam Seksyen 34, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 yang menyatakan:

Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum syarak

Manakala di negeri Kedah, Mufti atau Jawatankuasa Fatwa negeri Kedah boleh mengeluarkan fatwa dengan tiga kaedah iaitu berdasarkan Seksyen 19, Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah 2008 iaitu:

- a) atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau
- b) atas kehendaknya sendiri, atau
- c) atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat atau apa-apa cara yang dialamatkan kepada Mufti dan tertakluk kepada Subseksyen (2), mengeluarkan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau atas apa-apa isu yang berhubungan dengan Hukum syarak.

Peruntukan tersebut menjelaskan mengenai tatacara pengeluaran fatwa di setiap negeri. Persoalan mengenai hukum syarak atau fatwa hendaklah diajukan terus kepada Mufti negeri. Berdasarkan undang-undang, dinyatakan bahawa fatwa boleh dikeluarkan sama ada atas daya usaha Mufti sendiri atau atas perintah Sultan ataupun atas permintaan dari mana-mana orang atau institusi (Zaini Nasohah, 2005).

Apabila persoalan dikemukakan kepada Mufti atau ada isu yang berbangkit mengenai hukum syarak dan kepentingan umat Islam, Jawatankuasa Fatwa akan menyediakan kertas perbincangan atas arahan Mufti sebagai pengerusi jawatankuasa atau jika perlu membentuk jawatankuasa untuk membuat penyelidikan atau kajian mengenai isu yang dikemukakan. Jawatankuasa Fatwa yang dibentuk akan menyediakan draf fatwa dan seterusnya akan dikemukakan kepada Majlis untuk mendapat pengesahan sebelum proses pewartaan menurut undang-undang di setiap negeri. Walau bagaimanapun, jika perkara yang dikemukakan itu adalah perkara remeh atau peribadi dan tidak melibatkan kepentingan ummah, contohnya mengenai amalan atau ibadah harian, maka Mufti boleh memberi jawapan terus kepada individu yang mengemukakan persoalan bagi pihak Jawatankuasa Fatwa.

Kaedah pengeluaran fatwa di setiap negeri tertakluk kepada peruntukan undang-undang. Di Kedah, Seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah 2008 memperuntukkan tatacara mengeluarkan fatwa. Sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa, Mufti boleh

mengarahkan kajian atau penyelidikan dijalankan oleh pegawai penyidik dan menyediakan satu kertas kerja berkaitan persoalan yang diajukan. Kemudian, Mufti boleh memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu. Apa-apa fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa yang melibatkan kepentingan awam hendaklah disiarkan dalam Warta selepas mendapat perkenan Sultan. Tiada suatu kenyataan yang boleh dibuat oleh Mufti dianggap sebagai fatwa kecuali sehingga ia disiarkan dalam Warta Kerajaan. Fatwa yang telah diwartakan akan mengikat orang Islam di negeri tersebut.

Begitu juga di negeri Kelantan dalam seksyen 36 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 memperuntukkan mana-mana orang dengan secara bertulis boleh meminta Majlis mengeluarkan fatwa tentang apa-apa masalah mengenai Hukum syarak atau Adat Istiadat Melayu Kelantan, dan apabila permintaan seumpama itu diterima, Setiausaha Majlis hendaklah segera mengedarkannya kepada Pengerusi Jamaah Ulama'. Jamaah Ulama' hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan itu dan hendaklah, melainkan pada fikirannya masalah yang dikemukakan itu adalah tidak munasabah dan kerana sebab-sebab tertentu tidak patut diberi jawapan, menyediakan satu draf fatwa baginya, dan jika draf fatwa itu dipersetujui, sama ada dengan sebulat suara atau dengan suara yang terbanyak, maka pengerusi, bagi pihak dan dengan nama Majlis, hendaklah mengeluarkan fatwa. Tetapi, jika masalah yang dikemukakan itu tidak dapat diselesaikan dengan fatwa mengikut cara-cara di bawah Subseksyen (2), maka Jamaah Ulama' hendaklah merujuk masalah tersebut kepada Majlis yang akan mengeluarkan fatwanya dengan berpanduan kepada pandangan dan pendapat Mufti dengan mendapat perkenan sultan.


Di Selangor pula, proses pengeluaran fatwa bermula dengan adanya persoalan yang dikemukakan kepada Mufti secara lisan atau bertulis berdasarkan seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003. Menurut peruntukan tersebut, Mufti juga boleh mengeluarkan fatwa atas kehendaknya sendiri sekiranya ada keperluan berhubung persoalan dalam hukum syarak. Manakala menurut seksyen 48 enakmen yang sama, Mufti boleh mengarahkan penyelidikan dibuat dan menyediakan kertas kerja berhubung persoalan tersebut. Mufti boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi memincangkan fatwa tersebut. Fatwa yang telah disediakan hendaklah diserahkan kepada Majlis dan selepas diteliti akan diserahkan kepada sultan untuk mendapat perkenan sebelum diwartakan. Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam warta.

Walau bagaimanapun, bukan semua fatwa yang diluluskan oleh jawatankuasa ini akan diwartakan. Sesuatu fatwa itu hanya akan diisytiharkan dalam Warta Kerajaan di negeri masing-masing jika ia berkaitan dengan kepentingan awam dan kerajaan negeri tersebut. Jika sesuatu fatwa itu tidak melibatkan kepentingan negeri, maka keputusan itu hanya dibuat bagi pihak jabatan Mufti berkenaan. Namun jika sebaliknya, maka sesuatu fatwa yang telah diputuskan oleh jawatankuasa ini akan

dikemukakan kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing untuk dipertimbangkan bagi tujuan penguatkuasaan dengan terlebih dahulu disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri sebelum diwartakan (Ahmad Hidayat Buang, 2004).

Pewartaan fatwa menunjukkan setiap fatwa yang telah dikeluarkan mempunyai autoriti dari segi undang-undang dan mengikat orang Islam di negeri berkenaan serta boleh dikuatkuasakan jika berlaku pelanggaran terhadap fatwa berkenaan. Walaupun tidak semua fatwa diwartakan atau proses warta mengambil masa yang lama, ia jelas menunjukkan bahawa fatwa bukanlah semata-mata jawapan kepada persoalan hukum syarak tetapi juga mempunyai kesan dan kuasa dari segi perundangan Islam di Malaysia. Bagi memudahkan pemahaman, Rajah 1 menunjukkan carta alir proses pengeluaran dan pewartaan fatwa berdasarkan undang-undang Islam di peringkat negeri.

Rajah 1 - Carta Alir Proses Pewartaan Fatwa



(Sumber: Ahmad Hidayat Buang, 2002)

PERUNTUKAN KESALAHAN BERHUBUNG FATWA DALAM UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan fatwa adalah terletak di bawah bidang kuasa setiap negeri. Fatwa yang boleh dikuatkuasakan adalah terbatas kepada fatwa-fatwa yang telah disiarkan dalam warta negeri menurut undang-undang. Penguatkuasaan fatwa bermaksud tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang tidak

mematuhi atau mengingkari fatwa yang telah disiarkan dalam warta undang-undang negeri berkenaan. Semua negeri memperuntukkan kesalahan dan hukuman terhadap orang Islam yang melanggar atau mengingkari fatwa sama ada dalam bentuk fatwa itu sendiri ataupun pihak berkuasa yang mengeluarkan fatwa iaitu Mufti dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.

Secara umumnya, di negeri-negeri terdapat tiga bentuk kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang berkaitan fatwa iaitu kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama iaitu Mufti, kesalahan mengeluarkan pendapat atau mengembangkan ajaran yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri berkenaan dan kesalahan berkaitan pengeluaran fatwa oleh pihak tidak mempunyai kuasa secara sah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi peruntukan kesalahan dan hukuman di beberapa negeri tersebut.

Kesalahan Menghina atau Mengingkari Mufti Melalui Fatwa

Kebanyakan negeri di Malaysia memperuntukkan kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama iaitu Mufti dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri kecuali di Sabah, Kedah dan Kelantan apabila tiada peruntukan bagi kesalahan tersebut. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan sesiapa yang bertindak dengan cara menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa adalah melakukan suatu kesalahan. Kesalahan ini bermaksud fatwa Mufti atau Jawatankuasa Fatwa Negeri yang telah diwartakan menurut undang-undang akan mengikat semua orang Islam yang berada dalam negeri tersebut. Mereka wajib mematuhi dan tidak boleh mengingkari fatwa tersebut. Menurut peruntukan tersebut, melakukan perbuatan yang mengingkari fatwa dikira sebagai menghina kuasa Mufti sebagai pihak berkuasa utama dalam perkara hukum syarak di peringkat negeri.

Apabila disabitkan kesalahan ini, pesalah boleh dikenakan hukuman iaitu didenda tidak melebihi RM 3,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Peruntukan yang sama terdapat di negeri-negeri lain umpamanya Seksyen 12, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Seksyen 9, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001, Seksyen 16 dan Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992. Manakala di negeri-negeri lain memperuntukkan kadar hukuman yang berbeza bagi kesalahan ini. Umpamanya di Perlis, dalam Seksyen 39, Enakmen Jenayah dalam Syarak 1991 memperuntukkan kadar denda tidak melebihi RM 3,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya manakala di Negeri Sembilan dalam Seksyen 59, Enakmen Jenayah Syariah 1992 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM 1,000 atau dipenjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan Mengeluarkan Pendapat Yang Bertentangan Dengan Fatwa

Kesalahan kedua yang berkaitan dengan fatwa adalah mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan pendapat tentang ajaran agama Islam, hukum syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri. Sesuatu fatwa yang telah diwartakan seharusnya dihormati dan diikuti oleh semua pihak. Sekiranya ada pihak yang mempunyai pendapat peribadi bertentangan dengan fatwa yang telah diwartakan, ia seharusnya tidak disebarkan kepada umum kerana akan mengundang pelbagai kekeliruan dan menjejaskan reputasi institusi fatwa dan Mufti sendiri. Elemen kesalahan ini melibatkan perbuatan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri berkenaan sama ada perbuatan tersebut dilakukan secara tulisan atau lisan. Pendapat itu kemudiannya disebarkan dan diedarkan kepada orang awam. Kesalahan ini mengecualikan pendapat peribadi atau perbincangan ilmiah yang berkaitan dengan fatwa yang sedang berkuatkuasa (Siti Zubaidah, 2017).

Peruntukan hukumannya juga tidak selaras di antara negeri. Di Selangor (Seksyen 13), Wilayah Persekutuan (Seksyen 12), Sarawak (Seksyen 12), Sabah (Seksyen 50), Johor (Seksyen 12), Pahang (Seksyen 15), Perak (Seksyen 21), Pulau Pinang (Seksyen 12), Melaka (Seksyen 47) dan Terengganu (Seksyen 12) memperuntukkan kesalahan tersebut dan apabila disabitkan, ia boleh didenda tidak melebihi RM 3,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala di Negeri Sembilan (Seksyen 51) memperuntukkan kadar hukuman yang lebih ringan iaitu denda tidak melebihi RM 1,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali. Di sebahagian negeri juga umpamanya di Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Perak, diperuntukkan jika ajaran atau pendapat yang salah itu dibuat secara bertulis, dokumen tersebut hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh mahkamah dan segala penerbitannya, penjualannya, dan pengedarannya hendaklah dilarang.

Kesalahan Mengeluarkan Fatwa Yang Tidak Sah

Kesalahan ketiga berkaitan fatwa adalah kesalahan mengeluarkan fatwa yang tidak sah atau oleh pihak yang tiada kuasa sah dalam mengeluarkan fatwa. Ini kerana di setiap negeri, Mufti telah dilantik oleh Sultan sebagai pihak berkuasa utama yang berperanan mengeluarkan fatwa dan menyelesaikan persoalan berkaitan hukum syarak. Mufti pula ketika mengeluarkan fatwa kebiasaannya akan dibantu oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dan melalui proses penyelidikan yang menyeluruh dan mengikut kaedah perundangan. Fatwa tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak yang tidak mempunyai autoriti menurut undang-undang.

Walau bagaimanapun, tidak semua negeri memperuntukkan kesalahan tersebut. Di Perlis dalam Seksyen 35, Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 memperuntukkan mana-mana orang sama ada dengan cara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan atau difahamkan membuat dan mengeluarkan apa-apa fatwa yang

rasmi mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan hukum syarak, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Dengan syarat, seksyen ini tidak boleh dipakai bagi Majlis atau orang-orang lain yang menjalankan tugas di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1963. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak boleh dikenakan jika seseorang itu cuma memberi fikirannya di atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan hukum syarak atau adat istiadat Melayu.

Manakala di Terengganu dalam Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 memperuntukkan kesalahan bahawa tidaklah boleh sesiapa, kecuali Mufti atau Jawatankuasa Fatwa, sama ada secara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan fatwa mengenai agama Islam atau hukum syarak dan mana-mana orang yang melanggar peruntukan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Di negeri-negeri lain setakat ini tiada peruntukan bagi kesalahan tersebut dalam undang-undang negeri-negeri berkenaan.

PENGUATKUASAAN KESALAHAN BERHUBUNG FATWA DI MAHKAMAH SYARIAH

Penguatkuasaan kesalahan berhubung fatwa adalah melibatkan prosiding pendakwaan kes-kes di Mahkamah Syariah. Asas kepada penguatkuasaan kesalahan ini adalah fatwa tersebut mestilah telah digazetkan dalam warta kerajaan negeri masing-masing. Maka sekiranya berlaku perbuatan mana-mana orang Islam yang melanggar fatwa yang telah diwarta, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan melalui proses aduan, siasatan, tangkapan dan pendakwaan. Ia melibatkan bidang kuasa Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie di setiap negeri. Ini kerana menurut undang-undang Islam negeri-negeri, fatwa yang telah diwarta akan mengikat orang Islam yang berada dalam negeri berkenaan. Namun fatwa yang diwartakan di suatu negeri hanya boleh dikuatkuasakan di negeri berkenaan sahaja (Zaini Nasohah, 2018).

Walaupun bagaimanapun, isunya adalah terdapat fatwa-fatwa negeri yang telah diwartakan tetapi tiada tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa di peringkat negeri. Menurut Zaini Nasohah (2018), setakat ini penguatkuasaan fatwa yang telah diwarta banyak tertumpu kepada fatwa-fatwa berkaitan akidah atau pengembangan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan hukum syarak atau fatwa. Contohnya dalam kes-kes penguatkuasaan terhadap pengikut ajaran Kahar Ahmad, Ayah Pin dan Millah Abraham.

Buktinya, penguatkuasaan kesalahan berkaitan ajaran sesat Kahar Ahmad yang mendakwa sebagai Rasul Melayu telah diputuskan dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie lwn. Abdul Kahar Ahmad* (2009) JH 29/1 85. Tertuduh dalam kes ini telah dikenakan lima pertuduhan berkaitan ajaran sesat termasuklah pertuduhan menghina pihak berkuasa

agama (Mufti) menurut seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995. Menurut pertuduhan seksyen 12(c), tertuduh telah didapati mengingkari dan melanggar arahan Mufti kerana masih menjalankan amalan dan mengajar Ajaran Kahar bin Ahmad di hadapan tiga orang pengikutnya sedangkan ajaran tersebut telah difatwakan sebagai menyeleweng dari ajaran agama Islam pada 23 Mei 1991 dan telah diwartakan pada 29 Ogos 1991. Tertuduh telah disabitkan kesalahan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000 dan penjara selama tempoh satu tahun. Sekiranya tertuduh gagal membayar denda tersebut, hendaklah dipenjarakan selama tempoh satu tahun.

Begitu juga, pendakwaan di Mahkamah Syariah telah dibuat terhadap pengikut-pengikut ajaran kelompok Millah Abraham @ Ibrahim ini telah difatwakan haram oleh Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan, Selangor dan beberapa negeri yang lain sebagai aliran fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam kerana cuba membawa ajaran Islam yang baharu kepada masyarakat Islam (Noor Raihan, 2018). Di Selangor, fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim telah difatwa sebagai menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam dan telah diwartakan pada 17hb. September 2015. Justeru, sebarang penyebaran atau pengembangan ajaran tersebut di negeri Selangor boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan menurut undang-undang jenayah syariah di negeri berkenaan.

Selain itu, terdapat juga kes melibatkan wanita Islam yang menghina arahan Mufti mengenai pengharaman menyertai pertandingan ratu cantik. Kes *Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim Ahmad dll* (2000) Jurnal Syariah 8 (1) 137, melibatkan tiga orang gadis Islam yang memasuki pertandingan Ratu Cantik pada tahun 1997. Menurut kertas pendakwaan, ketiga-tiga tertuduh telah memasuki pertandingan Ratu Cantik pada 13 Jun 1997, jam 10 malam di pentas Classic Ballroom Holiday Villa, Petaling Jaya. Perbuatan tertuduh itu telah melanggar fatwa negeri Selangor yang menyatakan bahawa "adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan Ratu Cantik" yang telah diwartakan pada 11 Mei 1995. Pendakwaan dibuat berdasarkan Seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Dalam kes tersebut, tertuduh pertama (Fahyu Hanim) dan tertuduh kedua (Noni Muhamad) telah dijatuhi hukuman denda sebanyak RM 1,400 atau empat bulan penjara serta berkelakuan baik selama enam bulan. Kedua-dua tertuduh telah membayar denda. Namun tertuduh ketiga (Sharina Shaari) yang tidak pernah hadir di mahkamah sejak hari awal perbicaraan telah dikenakan waran tangkap.

Sesungguhnya, sehingga kini masih tidak banyak penguatkuasaan dibuat terhadap peruntukan kesalahan berhubung fatwa menurut akta/enakmen kesalahan jenayah syariah di peringkat negeri. Keadaan ini boleh menimbulkan persepsi dalam kalangan masyarakat Islam terhadap kesungguhan pihak berkuasa agama dalam urusan berkaitan fatwa. Sedangkan fatwa adalah hukum yang wajib dipatuhi dan mengikat orang Islam di negeri berkenaan. Justeru, tindakan dan komitmen secara bersepadu oleh pelbagai pihak berkuasa di peringkat negeri sangat penting bagi memastikan penguatkuasaan fatwa dan kepatuhan masyarakat Islam terhadap fatwa tersebut.



KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa fatwa telah diterima sebagai salah satu sumber dalam perundangan Islam di semua negeri di Malaysia. Fatwa yang telah diwartakan mengikat orang Islam yang berada dalam negeri berkenaan. Semua negeri memperuntukkan mana-mana orang yang menghina pihak berkuasa agama iaitu Mufti dalam bentuk melanggar atau mengingkari fatwa yang telah diwartakan adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Begitu juga sekiranya berterusan menyebarkan atau mengajar apa-apa ajaran atau doktrin yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri juga merupakan satu kesalahan. Mana-mana pihak yang tidak diberikan kuasa menurut undang-undang juga tidak boleh mengeluarkan fatwa rasmi dan boleh dikenakan hukuman sekiranya sabit kesalahan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi peruntukan kesalahan dan kadar hukumannya dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah di peringkat negeri. Penguatkuasaan kesalahan berhubung fatwa ini juga perlu dipertingkatkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Islam mengenai kepentingan fatwa sebagai sumber perundangan Islam dan menjamin kedudukan institusi fatwa dan Mufti di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang. 2002. Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah* 10 (1). 39-52
- Arif Fahmi Md Yusof & Izawati Wook. 2017. Fatwa: Kedudukannya di Mahkamah Sivil. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 9. 24-38
- Hasnan Kasan. 2006. Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasakan Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. No. 10. 1-19
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Juz. 15. Beirut: Dar al-Beirut.
- Jamaluddin al-Qasimi. 1986. *Kitab al-Fatwa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmi
- Muhammad Fathullah Al Haq bin Muhamad Asni & Jasni bin Sulong. 2017. Penyeragaman Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan Dan Kaedah Penyeragamannya Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. No. 9 . 86-109
- Muhammad Ikhklas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail, Mohd Anuar Ramli. Konflik Fatwa di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. No 10. 31-56
- Noor Raihan Jusidini & Zuliza Mohd Kusrin. 2018. The Propagation of Doctrine of Deviant Religious Teachings in The Cyber. *Al-Qanatiir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 10 No. 1 April Issues. 42-62



Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Islamiyyat*. Vol. 27 bil 1. 25-44

Zaini Nasohah. 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia. Peruntukan Akta dan Enakmen*. Ed. 2. Bangi: Jabatan Syariah, UKM

Statut:

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993
Enakmen Jenayah (Dalam Syarak) Perlis 1991
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perak) 1992
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001
Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.
Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah 2008
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001
Perlembagaan Persekutuan